



**SIARAN AKHBAR**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**  
**MESYUARAT HIGH-LEVEL TASK FORCE**  
**BAGI INTEGRASI EKONOMI ASEAN KALI KE-39**

---

***Isnin, 10 Rejab 1442 / 22hb Februari 2021***

1. Yang Mulia Dr Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah pun menghadiri Mesyuarat High-Level Task Force bagi Integrasi Ekonomi ASEAN (HLTF-EI) Kali Ke-39 melalui Persidangan Virtual pada hari Isnin, 22hb Februari 2021. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Yang Mulia Gabriel Lim, Setiausaha Tetap, Kementerian Perdagangan and Industri Singapura.
2. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Kanan terdiri daripada Setiausaha-Setiausaha Tetap dari ahli anggota ASEAN dan Sekretariat ASEAN. Mesyuarat telah membincangkan kemajuan pelaksanaan Rangka Kerja Pemulihan Komprehensif ASEAN (ACRF) dan perkembangan mengenai (i) Laporan Akhir bagi Kajian Jangka Masa Pertengahan (MTR) terhadap *ASEAN Economic Community (AEC) Blueprint 2025* dan (ii) Visi pasca-2025 ASEAN.
3. Mesyuarat juga telah membincangkan mengenai dengan cadangan sepuluh (10) *Priority Economic Deliverables (PEDs)* bagi Pengerusi ASEAN Negara Brunei Darussalam 2021 di bawah tema "*We Care, We Prepare, We Prosper*" dan yang mana terbahagi kepada tiga (3) teras strategik, iaitu (i) Pemulihan; (ii) Digitalisasi; dan (iii) *Sustainability*. Mesyuarat terutamanya membincangkan mengenai *Circular Economy* dan juga perkembangan mengenai strategi Industri Revolusi Keempat.



4. Mesyuarat HLTF-EI berperanan dalam memberi nasihat dan cadangan-cadangan strategik yang berkaitan dengan pembangunan AEC, antarlainnya adalah bagi memberikan panduan strategik dalam melakar arah tuju ASEAN ke hadapan, dan mendalami integrasi ekonomi ASEAN serta penglibatan ASEAN dalam komuniti global.